

Utusan Malaysia - 4.7 Juta Isi Rumah Terima BR1M Setiap Tahun

Jumaat, Mac 30 2018

4.7 juta isi rumah terima BR1M setiap tahun

KUALA LUMPUR 29 Mac - Sebanyak 4.7 juta isi rumah di seluruh negara memperoleh manfaat daripada pelaksanaan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) setiap tahun.

Menurut Laporan Akuanji Kerajaan Persekutuan (AKP) 2013-2018 menerusi inisiatif satu iaitu menangani kos sara hidup, sejak diperkenalkan pada 2012, BR1M memberi manfaat kepada 2.7 juta individu bujang di seluruh negara setiap tahun.

Jelas laporan itu lagi, pelaksanaan BR1M sepanjang tempoh tersebut juga menyaksikan sebanyak RM31.4 bilion dibelanjakan.

Sementara itu, sebanyak 3.5 juta pelajar sekolah rendah dan menengah turut mendapat manfaat pada setiap tahun hasil pelaksanaan Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia (BKAP1M) sebanyak RM100 bagi mengurangkan beban kewangan ibu bapa dan penjaga pada permulaan sesi persekolahan.

Manakala kira-kira 1.2 juta pelajar institut pengajian tinggi awam dan swasta serta tingkatan enam menerima manfaat setiap tahun sebanyak RM250 menerusi pelaksanaan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) bagi pembelian buku-buku pengajian.

Berdasarkan Laporan AKP

BR1M 2012-2018							
Bantuan Rakyat 1Malaysia							
Kategori	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
eKasih (< RM1,000)	-	-	-	-	RM1,050	-	-
Isi Rumah (<RM3,000)	RM500	RM500	RM650	RM950	RM1,000	RM1,200	RM1,200
Isi Rumah (RM3,001 -RM4,000)	-	-	RM450	RM750	RM900	RM900	RM900
Individu (<RM3,000)	-	RM250	RM300	RM350	RM400	RM450	RM450

* mulai tahun 2017, kategori eKasih diserapkan ke kategori isi rumah

2013-2018 itu juga, sejumlah 185 Klinik 1Malaysia (K1M) dibina dari 2013 hingga 2017 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 334 buah sekali gus mencatatkan purata 5.27 juta kedatangan pesakit baharu dan ulangan setiap tahun.

Bagi menangani kos sara hidup itu juga, kerajaan turut melaksanakan beberapa inisiatif lain termasuk Klinik Bergerak 1Malaysia, Taska 1Malaysia/Pusat Jagaan 1Malaysia, Kad Diskaun Siswa 1Malaysia dan Kedai Rakyat 1Malaysia 2.0 (KR1M 2.0).

Meningkatkan kehidupan warga bandar pula merupakan inisiatif kedua yang terkandung dalam Laporan AKP 2013-2018, antara yang telah dilaksanakan menerusi inisiatif tersebut adalah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M).

"Sehingga kini sebanyak 354 projek telah siap dan 212 projek lagi sedang dilaksanakan melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM500 juta dalam program yang telah ditubuhkan pada 31 Januari 2010 untuk membaiki pulih dan menyelenggara rumah berstrata kos

rendah dan kos sederhana rendah swasta," kata laporan tersebut.

Juga dilaksanakan menerusi inisiatif tersebut adalah Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP), Anjung Singgah iaitu kemudahan tempat tinggal sementara bagi gelandangan, Landasan Kereta Api Berkembar Gemas ke Johor Bahru sepanjang 197 kilometer, perkhidmatan kereta api elektrik (ETS) dan Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) sepanjang 600 kilometer yang dijangka siap sepenuhnya pada 2024.

Sementara itu, menurut Laporan AKP 2013-2018, sehingga kini sebanyak 145,983 unit rumah mampu milik telah disiapkan kerajaan di seluruh negara oleh pelbagai agensi kerajaan.

Menerusi inisiatif ketiga menyediakan rumah mampu milik itu, sebanyak 310,498 unit sedang dalam pembinaan, 447,750 dalam perancangan manakala 95,769 unit kini di peringkat rundingan.

Turut dilaksanakan dalam inisiatif tersebut adalah menerusi program memulihkan projek perumahan swasta terbengkalai, projek baik pulih rumah daif di bandar, Skim Khas Pembiayaan Rumah Estet (SKRE) dan pengecualian duti setem untuk pembelian rumah pertama.